

## **KEPENTINGAN PELAKSANAAN PEDAGOGI PENDIDIKAN ISLAM MELALUI KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DAPAT MEMENUHI ASPIRASI FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM**

**Mohd Syaubari Bin Othman**

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak  
*syaubari@gmail.com*

### **ABSTRAK**

Pendekatan pedagogi pengajaran dan pembelajaran (PdP) sentiasa menuju arah tranformasi yang berpaksikan kepada asas falsafah pendidikan yang telah ditetapkan. Perkembangan mutakhir memperlihatkan bahawa PdP yang berpusatkan pelajar sedang di arus perdanakan secara radikal termasuk pendidikan Islam. Menerusi konteks falsafah ilmu yang bersifat akademik dianggap eurosentrik dan mengabaikan paradigma tauhid sehingga memerlukan konsep-konsep asas di dalam PdP untuk diteliti semula bagi melaksanakan agenda gagasan tranformasi Islamisasi merentasi hubungan ilmu. Menurut perspektif konsep pedagogi berteraskan Islamisasi, perkara yang paling fundamental dalam aspek PdP adalah penghasilan pembelajaran yang bermakna seiring dengan konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Demikian juga, pertimbangan mengenai sumber dan hierarki ilmu sangat signifikan dan perlu diambil kira dalam penyampaian PdP walaupun ia harus menggunakan apa sahaja pendekatan dan kaedah yang ada (seperti berpusatkan guru, pelajar, objektif, hasil, proses dan nilai). Menerusi kes tertentu, ilmu dalam kategori *naqli* yang berstatus ilmu fardhu ain khususnya pada peringkat awal pengajian masih memerlukan "konsep berguru" kerana matlamat pembelajaran melibatkan pembinaan adab dan penghayatan nilai. Penelitian konsep-konsep asas dalam PdP berteraskan pandangan Ibn Khaldun adalah penting untuk menggerakkan proses kesepaduan yang mengaplikasikan konsep *pentarbiyahan* dan pengembalian kepada nilai-nilai sahsiah dan kecemerlangan akademik tanpa meminggirkan keupayaan akal untuk berfikir secara intensif, kritikal dan progresif.

**Kata Kunci** : Pedagogi, KBAT, Falsafah Pendidikan Islam

### **PENGENALAN**

Pelaksanaan PdP yang tepat akan menggalakkan pemikiran kritis dan sintesis kreatif yang berpaksikan kepada pandangan alam Islam. P&P tersebut sekaligus tidak mengabaikan peranan jiwa dan aspek kerohanian untuk melengkapkan pertumbuhan potensi insan yang bersifat sepadu, seimbang dan menyeluruh.

Demikian itu, timbul persoalan, sejauh manakah pelajar memahami dan mengaplikasikan setiap isi kandungan yang telah dipelajari? Kajian (Ab. Halim dan Nik Mohd Rahimi, 2011) mendapati hanya 70 peratus responden yang terdiri daripada pelajar sekolah di negara ini mampu menguasai isi kandungan yang dipelajari dengan baik. Sementara itu, penguasaan ini sekiranya di analisis jantina menunjukkan taburan yang lebih baik dalam kalangan responden perempuan dan berasal daripada bandar. Selain itu, kajian tersebut mendapati tahap kesediaan pelajar untuk mempertingkatkan pencapaian masih boleh diperbaiki dan dimantapkan.

Secara keseluruhan, isu-isu berhubung pengetahuan yang melingkari pelaksanaan PdP yang diuraikan di atas dapat memberi gambaran betapa perlunya penelitian secara menyeluruh bagaimana pendekatan yang terbaik dan menyeluruh untuk menghasilkan kefahaman khususnya dalam kalangan pelajar sekolah. Antara elemen yang perlu dititikberatkan sebagai kerangka teras dan sokongan di dalam pelaksanaan ini adalah penginteraksian pelajar dan guru, kemuliaan sahsiah, keterikatan dengan matlamat PdP dan kekuatan sendiri. Elemen ini apabila di intergrasikan pendekatan pedagogi pendidikan yang jelas akan melahirkan proses pembelajaran yang kondusif untuk membentuk pelajar yang bukan hanya memahami tetapi menghayati dan mengamalkannya.

## **KONSEP FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM**

Secara epistemologi, falsafah berasal daripada perkataan Yunani iaitu *philosophia* di mana *philo* bermaksud cinta dan *sophia* bermaksud pengetahuan. Dari aspek pendidikan, (al-Syaibani, 1991; Fromherz, Allen James, 2010) telah mendefinisikan falsafah pendidikan sebagai satu usaha bagi melaksanakan teori dan kaedah yang berhubung dengan pengalaman. Ini bertujuan untuk menyediakan manusia dengan pengalaman dan ilmu pengetahuan yang cukup agar dia kenal dirinya serta tugas dan tanggungjawabnya, mengetahui cara menjalankan tugas sebagai hamba dan khalifah agar menjadi insan yang soleh. Ia juga bertujuan menilai, memperbaiki dan menganalisis masalah serta isu-isu yang berkaitan dengan pendidikan dan kehidupan yang merangkumi pandangan yang berbeza, menerangkan tentang maksud-maksud dan terma di dalam pendidikan. Penjelasan konsep falsafah mempunyai nilai yang dapat ditrigulasikan dengan Falsafah Pendidikan Islam (Maimun Aqsha, 2014).

Falsafah Pendidikan Islam diasaskan kepada empat prinsip iaitu rukun iman, nilai akhlak yang mulia, ilmu pengetahuan dan perbuatan yang baik dunia dan akhirat. Menurut Ghazali Darusalam (2004), Falsafah Pendidikan Islam menekankan konsep pendidikan sepanjang hayat, keyakinan kepada Allah swt melalui pengabdian dan kekhalifahan, pembangunan roh, minda dan fizikal sebagai satu unit yang mencakupi aspek kognitif, efektif dan kebolehan membuat keputusan untuk diri sendiri, membawa keamanan kepada dunia, mengintegrasikan antara ilmu, iman dan amal serta kebahagiaan di dunia dan akhirat (Asyraf, Wan Ibrahim, Nooraihan dan Fadzli Adam, 2013)

Falsafah Pendidikan Islam memfokuskan kepada konsep ketuhanan kepada Allah swt (Ghazali, 2004) menyebut bahawa konsep ketuhanan iaitu *rububiyah*

dan *uluhiyyah* adalah merupakan kepatuhan yang menyeluruh kepada Allah swt, pencipta manusia dan alam seluruhnya. *Rububiyyah* bermaksud meyakini dengan sesungguhnya bahawa Allah swt adalah *Rab* atau pencipta dan penguasa terhadap segala sesuatu di alam ini. Mengimani dengan sesungguhnya bahawa tiada sesuatu pun yang menyaingi Allah swt dalam pemerintahannya. Allah swt adalah pemberi segala-galanya dan tiada sesiapa yang dapat melakukan sesuatu kebaikan atau keburukan melainkan dengan kudrat dan iradatNya (Che Zarina dan Mohd Kamil, 2004). Sesuai dengan firman Allah swt dalam surah Yunus ayat 107 :

*Yang bermaksud: “Jika Allah menimpakan sesuatu kemudharatan kepadamu, maka tidak ada yang dapat menghilangkannya kecuali Dia. Dan jika Allah menghendaki kebaikan bagi kamu, maka tidak ada yang dapat menolak kurniaanNya. Dia memberikan kebaikan itu kepada sesiapa yang dikehendakiNya di antara hamba-hamba-Nya dan Dialah yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”*

Konsep kemanusiaan juga menjadi fokus dalam Falsafah Pendidikan Islam. Manusia adalah sebahagian daripada alam tetapi alam diciptakan untuk kemudahan manusia. Allah SWT telah menyediakan pelbagai sumber kepada manusia agar manusia dapat menjadi hamba yang patuh. Ini diperkukuhkan bahawa konsep ini seiring dengan pendapat yang menyatakan manusia adalah khalifah Allah swt di muka bumi (Faridah, Maimun Aqsha dan Wardatul Aishah, 2013). Oleh itu, keperluan kewujudan manusia adalah untuk menyembah Allah SWT dan mempercayai bahawa tiada tuhan melainkan Allah SWT.

## **KONSEP FALSAFAH PELAKSANAAN KBAT MENURUT ISLAM**

Keterikatan proses perkembangan ilmu dengan amalan yang berorientasikan guru telah membentuk paradigma yang bertapak kukuh di dalam sistem pendidikan Islam. Para sarjana dan ilmuan Islam telah banyak mengemukakan kritikan-kritikan yang menyentuh aspek pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam bidang pendidikan Islam dengan usaha untuk memperbaiki kelemahan yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Islam sejak beberapa kurun yang lalu sehingga abad yang ke-21. Oleh itu satu usaha yang telah dilakukan oleh adalah dengan mengadakan satu kongres antarabangsa yang menjadikan Pendidikan Islam sebagai tema utama kongres tersebut (Dhaouadi, Mahmoud, 1997; Maimun Aqsha, 2013).

Tokoh sarjana dan ilmuan yang terlibat dalam kongres ini ialah Syed Naquib al-Attas dan Ismail Al-Faruqi. Mereka merupakan penggerak utama ke arah penganjuran kongres ini dan pelopor kepada pembaharuan dalam pendidikan Islam pada abad ke-20. Kongres ini telah melibatkan 315 orang para ilmuan dan ahli akademik yang dijemput oleh pihak *Universiti King of Abdulaziz, Jeddah*. Kongres ini juga merupakan satu langkah pertama dalam mengetengahkan isu ilmu dan Pendidikan Islam dalam konteks syariat Islam di peringkat antarabangsa. Kongres ini telah diadakan di Tanah Suci Mekah

anjuran. Universiti Raja Abdul Aziz pada tahun 1977 bermula pada 31 Mac sehinggalah 8 April 1977 (Mohamad Kamil, 2000).

Jika dilihat kepada situasi semasa dan berdasarkan kepada konteks pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam, elemen kelemahan ini telah disedari oleh beberapa pemikir dan sarjana Islam terdahulu dan sekarang. Banyak kajian yang telah dilakukan oleh para ilmuan Islam dari serata dunia dalam menyelesaikan permasalahan ini seperti Ibnu Khaldun, Muhammad Abduh dan Sayyid Ahmad Khan Masturi Irham (Malik Supar dan Abidun Zuhri, 2015). Mereka telah bersepakat bahawa pendidikan merupakan elemen terpenting yang menyumbang ke arah kebangkitan dan kejatuhan umat Islam yang pada ketika itu zaman *renaissance* sedang berlaku dengan rancak di dunia Barat (Nik Saleh dan Nik Salida Maizah., 2004).

Maka berdasarkan pertembungan nilai barat ini, pengadaptasian konsep KBAT itu dijanakan semula menerusi konteks kesesuaian dengan falsafah pendidikan Islam. Penghasilan proses ke arah mencapai pengamalan KBAT berorientasikan Islam ini perlu diawali dengan kefahaman asas tauhid dan konsep akal. Untuk merealisasikan keadaan ini, manusia perlu menggunakan bantuan akal untuk mencari ilmu. Iman dan ilmu ini perlu bergandingan kerana ia merupakan proses asimilasi untuk mencapai makna yakin dalam hati. Kegiatan akal ini berfungsi memperdalamkan keimanan seseorang. Sebaliknya, proses pendidikan yang tidak dimulakan dengan keyakinan akan menyebabkan hati penuh dengan keraguan yang akhirnya akan membentengi bukti-bukti yang diperolehi daripada kegiatan berfikir mahupun wahyu (Mohd Aderi Che Noh, 2015)

Berfikir secara kritikal atau dalam konteks KBAT turut dikaitkan dengan ciri orang bertaqwa. Hal ini kerana kesanggupan pemikir tersebut untuk belajar sepanjang hayatnya (Mohd Aderi Che Noh, Noraini Omar dan Nur Hanani Hussin, 2014). Individu yang terlatih mengamalkan pemikiran kritis akan menyaring maklumat atau berita sebelum mempercayainya. Kegiatan menyaring ini memerlukan individu tersebut berusaha mencari, mengumpul dan menganalisis perkara yang berkaitan untuk dibuat pertimbangan (Nik Saleh dan Nik Salida Maizah, 2004).

Selain itu, potensi akal boleh diperkembangkan melalui penelitian ke atas hikmah kejadian dan prinsip *sunnatullah*. Melihat makhluk ciptaan Allah dalam kategori yang berbeza-beza lebih memberi kesan kepada jiwa berbanding jika melihat sesuatu yang stereotaip. Maka, kemampuan membezakan serta mengkategorikan data yang dicerap, boleh menyumbang kepada perasaan takjub terhadap kekuasaan *Pencipta* (Syed Omar Syed Agil, 2008). Menerusi hal ini, Pendidikan Islam menggalakkan kita berfikir secara rasional mengenai hikmah sesuatu pensyariatan, mengambil iktibar daripada sejarah kehidupan umat-umat lampau serta berfikir kritis ke arah memanfaatkan sumber kebendaan atas tujuan khidmat insani kerana ia membuka jalan untuk mendapatkan pengertian baru yang terpendam. Melihat dan merenung dengan mata hati menyebabkan manusia mampu melihat sifat-sifat Tuhan dengan jelas dan bermanfaat untuk mencapai hakikat dalam tauhid (Abu Muhammad Iqbal, 2015).

Hal ini selari dengan konsep pendidikan *Ulul Albab* yang dipaparkan sebagai mempunyai pemikiran kritis dalam rantaian zikir-fikir-amal soleh. Keistimewaan golongan ini adalah pada keupayaan membaca ayat-ayat Allah yang terdapat pada kitab dan alam. Ciri-ciri *Ulul Albab* yang lain seperti digariskan dalam *Surah Ali-Imran (3: 190-191)* ialah sentiasa memeriksa kesahihan sebelum mempercayai sebarang maklumat, mampu membezakan antara yang baik dan buruk, mengambil pengajaran daripada sejarah lampau, menjelmakan hasil fikiran mendalam kepada tindakan sama ada untuk faedah diri mahupun masyarakat. Secara dasarnya, keupayaan berfikir kritis ini dirangkumkan bertujuan menuju kebenaran yang diredhai Allah (Asyraf, 2013).

Berkaitan perkembangan akal fikiran yang mengadapatsi elemen kritis, kreatif dan kritikal (Ghazali, 2004) mencadangkan pendidikan khususnya akidah perlu diterapkan secara doktrin, hafalan dan pengamalan di usia awal kanak-kanak. Proses ini berterusan tanpa perlu menyingkap alasan dan dalil-dalilnya, kerana perkara ini bakal menjadi jelas satu persatu kepada kanak-kanak seiring dengan peningkatan usianya. Namun, usaha ini perlu dibantu pertumbuhannya melalui galakan membaca al-Quran dan memahami tafsirannya, membaca hadis dan pengertiannya, menekuni ibadah dan menemani orang soleh. Pendidikan secara beransur ini menjadikan perkara yang ditaklidkan pada awal usianya menjadi kukuh dengan kehadiran elemen kefahaman kognitif (meneliti wahyu), latihan fizikal (amalan peribadatan) dan faktor persekitaran (melazimi dan meneladani orang soleh) (Che Zarina dan Mohd Kamil, 2004).

Oleh yang demikian, pemikiran kritis dalam pendidikan Islam harus menggabungkan aspek afektif dalam mengembangkan kebolehan berfikir kerana domain ini melibatkan pembentukan sistem nilai dan personaliti (Ab. Halim Tamuri et al., 2011). Dalam proses pendidikan ini, nilai yang pelajar perolehi daripada aktiviti berfikir itulah yang akan dipegang dan diterjemahkan ke dalam bentuk tingkah laku.

Kesimpulannya, pemikiran aras tinggi (KBAT) di dalam Pendidikan Islam ialah menggunakan akal untuk membuat pertimbangan dan penilaian dalam kerangka memperdalam keimanan. Pendidikan dimulakan dengan keyakinan terhadap Tuhan dalam meneroka rahsia-rahsia ilmu melalui penelitian sudut pandang berbeza, memperhalusi kekuatan dan kelemahan idea dan menghindari taklid buta untuk tujuan kebaikan. Hakikatnya, agama menyuruh kita mempergunakan akal supaya penyerahan diri kepada Allah berlaku dengan pengetahuan, bukan menyerah dalam kejahilan (Maimun Aqsha, 2014). Konsep ini perlu diaplikasikan dalam sistem pendidikan secara menyeluruh meliputi aspek kognitif, kemahiran dan nilai. Dengan ini, dapatlah kita memenuhi peranan sebagai hamba Allah dan khalifah Allah di bumi ini.

## **TRANFORMASI BIDANG PENDIDIKAN ISLAM**

Pelaksanaan Pendidikan Islam ini telah ditransformasikan secara kritikal merangkumi keseluruhan kerangka yang membentuk asas pendidikan itu meliputi falafah, kurikulum, pedagogi, pentaksiran, pengurusan Mata pelajaran Pendidikan Islam turut terlibat dalam transformasi pendidikan yang bersifat futuristik dan

global ini. Sebelum itu, apabila disingkap sejarah, pelaksanaan Pendidikan Islam di sekolah kerajaan telah diberi penekanan apabila ia diwajibkan ke atas semua murid Islam dan dimasukkan ke dalam jadual waktu rasmi sekolah pada 1962 dengan peruntukan masa dua jam seminggu (Mohamad Kamil, 2000) Dari sudut kandungan kurikulumnya pula, ia hampir serupa dengan apa yang diamalkan di kebanyakan negara Islam di mana pengajian al-Quran merupakan komponen asas disamping hadis dan tidak diabaikan juga tauhid, fiqh, akhlak, tulisan, tatabahasa Arab, kesusasteraan dan sejarah (Nik Saleh dan Nik Salida Maizah, 2004).

Sesungguhnya perlu ditegaskan Pendidikan Islam diadakan di sekolah kerajaan bagi menjamin hala tuju Pendidikan Islam bukan mengeneipkan sistem pondok dan madrasah atau sekolah agama. Demi Pendidikan Islam, semua sistem pendidikan yang terlibat dengannya ada kelebihan masing-masing dan patut dimanfaatkan oleh semua pihak. Transformasi pendidikan dapat dinilai melalui perubahan tahap pembelajaran dan perkembangan semasa pelajar secara holistik yang menekankan pembangunan intelek, rohani, emosi, dan fizikal seiring dengan pembinaan identiti nasional yang kukuh (Mohd Aderi., 2015).

Transformasi kurikulum ini berlaku dengan jelas apabila KBSR ditukarkan kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bagi pelajar sekolah rendah. Transformasi kurikulum ini bukan sahaja menekankan kepada peningkatan dari segi kandungan, tetapi juga penggunaan pelbagai pendekatan PdP yang memberi lebih penekanan kepada *hands-on learning* seperti inkuiri penemuan, pembelajaran berasaskan masalah, pembelajaran secara konstruktivisme, pembelajaran secara kontekstual, pembelajaran pengaturan sendiri, pembelajaran masteri dan pembelajaran luar bilik darjah. Pendekatan yang digunakan mesti menyediakan peluang pembelajaran yang menyeronokkan serta mengambil kira kepelbagaian kecerdasan pelajar (Mohd Aderi et al, 2014)

Menerusi aktiviti PdP, bahan pengajaran memainkan peranan yang penting. Guru perlu melibatkan penggunaan bahan pengajaran agar aktiviti PdP lebih menarik dan objektif pengajaran tercapai. Dengan kata lain, pendekatan berpusatkan bahan lebih mengutamakan kecekapan dan kemahiran menggunakan bahan pelajaran untuk mencapai objektif pengajaran. Ia juga dapat membantu pelajar memahami konsep yang abstrak dengan lebih jelas di samping memupuk semangat berdikari dengan menjalankan aktiviti pembelajaran tanpa kehadiran atau pertolongan guru (Faridah Husain et al., 2013). Melalui penambahbaikan dan pemantapan kurikulum ini diharapkan dapat meningkatkan pengajaran Pendidikan Islam dimana dahulunya guru Pendidikan Islam hanya menumpukan kepada menyampaikan ilmu sahaja kepada pelajar, tetapi kini peranan guru juga adalah untuk melahirkan modal insan kelas pertama dan menepati konsep KBAT. Ini sebagaimana yang diketahui, pendidikan adalah proses dan aktiviti yang bertujuan untuk membawa perubahan kepada seseorang individu mengikut norma dan nilai sesuatu masyarakat (Maimun Aqsha, 2014).

Di era ini, guru bertanggungjawab untuk memberi pendidikan dan menghasilkan perubahan tingkah laku ke atas diri pelajar menerusi pengamalan PdP yang bersifat interaktif dan meletakkan daya berfikir sebagai keutamaan. Untuk itu guru harus memahami idea perubahan dengan sempurna, secukupnya dan menyusun strategi yang rapi untuk memastikan perubahan dapat

dilaksanakan dengan jayanya. Bagi menangani perubahan di dalam inovasi, guru perlu menguasai teknologi yang sentiasa berubah di samping meningkatkan lagi ilmu pengetahuan serta mutu pengajaran (Rahimin Affandi, 2004). Guru perlu mengamalkan budaya membaca, budaya belajar, budaya berfikir dan budaya menulis. Peningkatan dalam ilmu pengetahuan dan teknologi sewajarnya dilakukan oleh guru kerana keupayaan guru menyelesaikan masalah bergantung kepada keupayaan guru sebagai fasilitator, penyelesaian masalah, pemangkin dan pendorong pembelajaran (Ab Halim Tamuri et al., 2011).

Guru juga perlu inovatif untuk membuat peningkatan dalam PdP dan mempertingkatkan amalan pedagogi dalam bilik darjah. Contohnya pendekatan secara konvensional menggunakan kaedah syarahan dan ceramah yang sering diamalkan sebelum ini diubah kepada kaedah terkini supaya corak pengajaran guru semakin menarik dan efektif serta penekanan yang lebih kepada proses PdP yang berpusatkan pelajar dan bahan. Bagaimanapun, strategi PdP yang berkesan menerusi tranformasi kurikulum memerlukan pertimbangan seimbang dari segi akademik dan bukan akademik berpaksikan ilmu pengetahuan, teori, tingkah laku dan pengaplikasian secara kontekstual berdasarkan kehidupan dan keupayaan pelajar (Abu Muhammad Iqbal, 2015).

Tranformasi yang dilaksanakan ini adalah bermatlamat untuk menghasilkan pencapaian yang meletakkan nilai ketaqwaan sebagai keutamaan di samping kecemerlangan akademik di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Untuk itu, permulaan kepada amalan pedagogi yang *up to date* dan relevan menerusi proses pembelajaran melalui pengalaman, penglibatan bersifat sendiri, aktiviti *hands-on learning* dan penemuan secara inkuiri (Mohd Aderi., 2015). Oleh itu, guru Pendidikan Islam memerlukan berusaha dengan lebih gigih bagi mempertingkatkan kualiti pengajaran Pendidikan Islam di dalam bilik darjah demi menyiapkan para pelajar agar mampu menghadapi cabaran abad ke 21

## **KONSEP PEDAGOGI DALAM PENDIDIKAN ISLAM**

Pendekatan pedagogi yang digunakan oleh Ibn Khaldun menjadi indikator utama di dalam memaparkan keterikatan di antara pedagogi dan Falsafah Pendidikan Islam. Oleh itu, penulis memilih lima pendekatan berkaitan mengenai metodologi yang ditekankan oleh Ibnu Khaldun, iaitu pendekatan bertahap dan pengulangan, pendekatan penggunaan bahan sumber, pendekatan lawatan, pendekatan penyampaian yang bersesuaian dengan tahap pelajar dan pendekatan penguasaan bahasa.

### **Konsep Metodologi Dalam Islam**

Metodologi merupakan satu komponen yang utama dalam kualiti pedagogi pengajaran (Arifin, 2004). Menurut al-Syaibani, metodologi pengajaran adalah kepelbagaian aktiviti yang disediakan oleh tenaga pengajar dengan merujuk kepada topik, di samping dapat membentuk satu watak bagi pelajar, membina suasana pembelajaran dan sistem yang dapat mengumpulkan pengetahuan malah membina akhlak serta tingkah laku (Ahmad Yunus dan Abd Halim, 2010).

Manakala al-Abrashi memberi pengertian metodologi pendidikan sebagai laluan. Pelajar-pelajar pula perlu mempersiapkan diri bagi mempelajari mata pelajaran yang diberikan kepada mereka (Arifin, 2004).

Merujuk Kamus Dewan (2013) metodologi adalah sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan atau disiplin. Justeru bagi mencapai objektif pembelajaran yang ditetapkan, guru-guru perlu merancang metodologi yang bersesuaian sebelum proses pengajaran dijalankan. Tambahan lagi, berdasarkan takrifan yang diberikan oleh (Hassan, 2001), metodologi atau kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah sebagai satu proses interaksi guru dan murid dengan sesuatu mata pelajaran bertujuan bagi mewujudkan perubahan pada tingkah laku murid.

Menurut (Norsiah et al., 2004) metodologi pengajaran dan pembelajaran ialah langkah-langkah pengajaran yang disajikan kepada murid. Langkah-langkah tersebut sengaja dipilih dan disesuaikan dengan subjek yang diajar berdasarkan prinsip-prinsip tertentu. Selain itu, metodologi juga membawa maksud perancangan atau prosedur dalam melaksanakan sesuatu pengajaran secara tersusun, teratur, kemas dan sistematik. Ia boleh diperkemas dengan teknik-teknik tertentu yang boleh menambahkan keberkesanan sesuatu kaedah (Nor Faizah et al., 2014).

Maka daripada perbincangan di atas penulis dapat merumuskan bahawa metodologi pendidikan merupakan suatu kaedah atau aktiviti yang dilaksanakan oleh guru dengan tujuan untuk menghasilkan perubahan terhadap pelajar semasa pembelajaran agar lebih berkesan dan menarik minat mereka. Lantaran berdasarkan pandangan (Noor Hisham, 2011) menyatakan semua metodologi penyampaian ilmu adalah dibenarkan dalam perspektif Islam selagi mana ianya tidak bercanggah dengan prinsip dan akidah Islam.

### **Pendekatan Bertahap dan Pengulangan**

Ibnu khaldun ialah seorang guru yang berjaya menawan hati muridnya dengan keluasan ilmu beliau, keterbukaan pandangan beliau, suka berterus terang serta berjiwa jujur (Maimun 2014). Beliau telah menyumbangkan pelbagai lontaran idea dalam dunia pendidikan serta telah mengemukakan pelbagai metodologi yang boleh dijadikan rujukan. Metod pertama menurut Ibnu Khaldun, proses mengajar perlu didasarkan atas prinsip-prinsip pandangan bahawa tahap permulaan pengetahuan adalah bersifat total ataupun disebut keseluruhan, seterusnya secara bertahap, kemudian terperinci, sehinggalah boleh menerima dan memahami permasalahan pada tiap bahagian daripada ilmu yang diajarkan. Hal ini bermakna, pengajaran guru perlu dibuat secara bertahap yakni disusun mengikut langkah demi langkah. Guru memulakan dengan persoalan pokok dan diikuti pula dengan isi-isi kecil (Dewan Bahasa dan Pustaka 2002).

### **Pendekatan Penggunaan Sumber**

Metod kedua Ibnu Khaldun, menggunakan bahan tertentu untuk PdP atau dengan kata lain penggunaan bahan bantu mengajar di dalam proses PdP. Ibnu Khaldun



menyarankan penggunaan bahan bantu mengajar kerana pada masa permulaan belajar pelajar lemah dalam memahami dan kurang daya pengamatannya. Justeru, bahan bantu mengajar ini membantu kemampuan pelajar di dalam memahami ilmu yang diajarkan dengan lebih mudah. Ibnu Khaldun menekankan aspek ini kerana pelajar bergantung kepada pancaindera di dalam penyusunan pengalaman.

Melalui proses PdP, bahan bantuan tersebut adalah pendekatan yang lebih luas, yang berlawanan dengan kebiasaan merumuskan perkataan-perkataan yang ditulis atau diucapkan. Selain itu, bahan bantu mengajar yang digunakan ini juga menjadikan pengetahuan pelajar akan berhubungan dengan pengalaman-pengalaman fizikal yang hakiki (Masturi Irham, Malik Supar dan Abidun Zuhri, 2015). Bersandar pernyataan ini, Ibnu Khaldun telah mendahului zaman menerusi pandangan-pandangan yang bersesuaian dengan pandangan ilmu pendidikan moden.

Metod kedua ini lebih memudahkan murid memahami pendidikan dengan menggunakan segala pancaindera yang ada. Zaman hari ini juga guru-guru ditekankan untuk menyediakan alat atau bahan yang menarik dan bersesuaian dengan topik pengajaran bagi menarik minat murid untuk belajar yang mana bertepatan dengan pengajaran dan pembelajaran abad 21. Sebagai contoh, penggunaan CD-ROM dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Murid boleh melihat animasi, grafik serta video dan mendengar audio bacaan bertaranum oleh para qari. Melalui aplikasi CD-ROM ini boleh menarik minat murid untuk belajar kerana teknologi ini mampu menyampaikan maklumat dan mempersembahkan apa yang terkandung dalam isi atau sukatan pelajaran kepada murid dengan merangsang pancaindera seperti deria pendengaran dan deria penglihatan (Nik Saleh dan Nik Salidah Maizah 2004). Jelas, penggunaan alat bantu mengajar seperti CD-ROM merupakan salah satu alat bantu mengajar yang canggih pada masa kini dan wajar diamalkan dalam bidang pendidikan.

### **Pendekatan Lawatan**

Seterusnya perbincangan mengenai metode ketiga yang dibahaskan oleh Ibnu Khaldun adalah pendekatan lawatan merupakan cara untuk mendapatkan pengalaman yang langsung. Ibnu Khaldun mendorong supaya melakukan lawatan untuk menuntut ilmu kerana dengan cara ini murid lebih mudah untuk mendapatkan sumber-sumber pengetahuan yang banyak. Hal ini bersesuaian dengan tabiat eksploratif murid dengan pengetahuan mereka berdasarkan pemerhatian langsung yang memainkan peranan besar dalam memperjelaskan pemahaman terhadap pengetahuan melalui pengamatan pancainderanya. Keharusan bagi memperolehi pengetahuan yang bermanfaat dan ke arah kesempurnaan berilmu memerlukan elemen pengembaran serta berjumpa dengan para uru bagi membentuk perhubungan berpengetahuan (Masturi Irham, Malik Supar dan Abidun Zuhri, 2015).

## **Pendekatan yang Bersesuaian dengan Tahap Pelajar**

Selain itu, metod keempat Ibnu Khaldun menyatakan tiada keperluan untuk penyampaian yang rumit kepada murid yang baru belajar. Beliau menegah guru supaya tidak mengajarkan murid-murid pada permulaan belajar dengan definisi dan kaedah-kaedah ilmu pengetahuan yang sukar. Sebaliknya para guru perlu memulakan dengan memberikan contoh-contoh yang mudah dan membahaskan nas-nas serta mengambil kesimpulan yang khusus. Hal ini kerana pada permulaan belajar murid masih belum dapat memahami kaedah ilmu yang bersifat menyeluruh. Murid yang baru belajar akan dibebani dengan permasalahan ilmu, dibebani dengan kesulitan dan rasa malas, bahkan mempunyai daya fikir yang perlahan. Perkara ini akan mengakibatkan murid menjauhkan diri daripada ilmu dan juga boleh menyebabkan hilang keseronokan untuk belajar ilmu (Masturi Irham, Malik Supar dan Abidun Zuhri, 2015).

## **Pendekatan Penguasaan Bahasa**

Seterusnya metod terakhir menurut Ibnu Khaldun adalah penguasaan bahasa. Bahasa penting sebagai medium asas untuk manusia berkomunikasi dengan masyarakat. Penguasaan bahasa yang baik termasuk kebolehan menguasai dialek tempatan atau bahasa pasar memudahkan seseorang bersosial (Asyraf dan Wan Ibrahim et.al. 2013). Dengan itu dapat diperhatikan Ibnu Khaldun turut menekankan penguasaan bahasa dalam metod pendidikan yang berperanan seperti jambatan memperoleh ilmu. Contohnya, dengan mengajarkan al-Quran tanpa mempelajari Bahasa Arab terlebih dahulu akan menyukarkan murid untuk memahami dan menghayati isi kandungan al-Quran tersebut. Murid sekadar membacanya tanpa mengetahui dan mengerti apa yang dibacanya.

## **HUBUNGKAIT ANTARA PEDAGOGI YANG MENINGTEGRASIKAN KBAT DI DALAM KERANGKA FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM**

KBAT merupakan suatu istilah yang terbentuk berteraskan keinginan untuk mempelbagaikan keupayaan untuk manusia berfikir. Kepelbagaian teori yang membentuk dan merangka bagaimana keperluan untuk kefungsiian manusia untuk berfikir telah melingkari sistem pendidikan di seluruh dunia. Pendekatan ini telah mencetuskan pertembungan di antara kefahaman yang dibentuk oleh tamadun Islam dan tamadun Barat sehingga timbul persoalan, apakah nilaiian sebenar yang menjadi kayu ukur di dalam menentukan KBAT ini sebagai wadah penting di dalam menjana pemikiran yang berstruktur. Keterbatasan penerokaan ini telah mengwujudkan lompang kosong di dalam proses transisi ilmu dengan pengamalan ilmu di dalam konteks amalan seharian

Maka, atas kehilangan sumber di dalam proses transisi ilmu ini, sarjana barat meletakkan kerangka yang menyokong aliran pemindahan ilmu ini dengan memperkenalkan KBAT sebagai asas utama. Namun bagi asas yang utama, Islam telah menghasilkan kerangka asas yang kukuh tetapi ianya kurang disedari atas platform apa perlu dibentuk dan diterjemahkan. Maka apabila wujudnya

menerusi pernyataan secara implisit dan eksplisit bagaimana KBAT itu terhasil di dalam sistem pendidikan yang berstrukturkan berasaskan hala tuju dunia barat, maka ini telah menimbulkan pertanyaan, bagaimana KBAT dapat diperhubungkan dengan asas nilai-nilai daripada Islam

Untuk itu, menerusi proses penganalisisan yang mendalam, menyeluruh dan bersifat bersepadu, konsep KBAT ini mempunyai asas di dalam konsep estimologi dunia Islam yang terbentuk 1400 tahun lepas menerusi penurunan al-Quran. Kekukuhan al-Quran di dalam meletakkan keupayaan dan menterjemahkan akal adalah menjadi penanda aras di dalam kebangkitan ilmu yang disumberkan Islam. Sesungguhnya Islam tidak mempertikaikan idea yang dikemukakan tetapi melengkapi apa yang telah dijana oleh barat selagi ianya memenuhi landasan yang telah ditetapkan oleh syariat

Daripada perbincangan ini, dapat dirumuskan bahawa pemikiran KBAT menurut Islam mengandungi unsur-unsur yang bertepatan dengan kehendak Falsafah Pendidikan Islam yang hanya dapat diinterpretasikan oleh amalan pedagogi yang berkesan seperti a) pelaksanaan pembelajaran berteraskan prinsip kebenaran sesuatu perkara, b) menghasilkan sesuatu perkara berdasarkan tanda-tanda yang bukti dan alasan, c) membudaya kepelbagaian persepektif dengan tidak terhad kepada suatu pandangan dan berusaha untuk memahaminya. Keterikatan pedagogi yang berkesan ini merupakan natijah daripada asas Falsafah Pendidikan Islam yang telah terbentuk sejak zaman kedatangan Islam lagi iaitu zaman Rasulullah s.a.w (Noor Hisham, 2014).

## **RUMUSAN**

Secara keseluruhan, pelaksanaan pedagogi Pendidikan Islam yang mengintegrasikan KBAT adalah menepati kehendak pembentukan Falsafah Pendidikan Islam menerusi penetapan matlamat pembelajaran yang menghasilkan kefahaman dan pengamalan. Pelaksanaan pedagogi ini memerlukan kefahaman yang mendalam dalam kalangan guru dan pelajar bagi membentuk kejelasan di dalam isi kandungan Pendidikan Islam. Jalinan keyakinan dan keterikatan dengan panduan falsafah berkemampuan menjadikan hala tuju PdP menitikberatkan keseimbangan di antara kecemerlangan akademik dan kemantapan sahsiah.

## **BIBLIOGRAFI**

- Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2011). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abu Muhammad Iqbal. (2015). *Pemikiran Pendidikan Islam Gagasan-gagasan Besar Para Ilmuwan Muslim*. Jogjakarta: Pustaka Pelajar
- Asyraf Hj Ab Rahman, Wan Ibrahim Wan Ahmad, Nooraihan & Fadzli Adam. (2013). Membentuk Komuniti Muslim Cakna: Pendekatan Ibnu Khaldun. *Journal of Business and Social Development*. Vol. 1(2).

- Che Zarina & Mohd Kamil. (2004). *Epistemologi Islam Menurut Ibnu Khaldun. Himpunan Kertas Kerja Seminar Pemikiran Ibnu Khaldun 1 & 11*. Sarawak: Jabatan Agama Islam Sarawak
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2002). *Terj. Mukadimah Ibn Khaldun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Dhaouadi, Mahmoud. (1997). *New Explorations Into The Making of Ibnu Khaldun's Uman Mind*. Kuala Lumpur: A.S. NOORDEEN
- Ensiklopedia Dunia. (2005). Jil. 9. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ensiklopedia Malaysiana. (1995). Jil. 6. Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd.
- Faridah Husain, Maimun Aqsha Lubis & Wardatul Aishah Musa. (2013). *Tamadun Dalam Bidang Pendidikan, Sejarah Dan Seni bina. Artikel dalam Peradaban Islam Dan Tamadun Dunia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fromherz, Allen James. (2010). *Ibn Khaldun Life and Times*. Edinburgh: Edinburgh University Press
- Ghazali Darusalam. (2004). *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan. 2013. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maimun Aqsha Lubis. (2013). *Peradaban Islam dan Tamadun Dunia*. Selangor: Fakulti Pendidikan UKM.
- Maimun Aqsha Lubis. (2014). *Perbandingan Antara Falsafah Pendidikan Barat dengan Falsafah Pendidikan Islam*. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Masturi Irham, Malik Supar & Abidun Zuhri. (2015). *Terj. Mukaddimah Ibnu Khaldun*. Jakarta: Pustaka al-Kautsar
- Mohd Aderi Che Noh. (2015). *Pengajaran & Pembelajaran Tilawah al-Quran Sekolah Menengah di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mohd Aderi Che Noh, Noraini Omar & Nur Hanani Hussin. (2014). *Sumber Pendidikan Islam*. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Mohamad Kamil Ab. Majid. (2000). *Tajdid Perspektif Sejarah dan Masa Kini*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Nik Saleh & Nik Salida Maizah. (2004). *Kajian Antara Penguasaan al-Quran dengan Pencapaian dan Minat Pelajar dalam Pendidikan Islam*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Rahimin Affandi Abdul Rahman. (2004). *Perubahan dan Pembangunan Sosial menurut Ibnu Khaldun*. Dalam Himpunan Kertas Kerja Seminar Pemikiran Ibnu Khaldun 1 & 11. Sarawak: Jabatan Agama Islam Sarawak
- Syahrul Nizam Junaini. (2004). *Pemikiran Ibnu Khaldun Dari Perspektif Kepimpinan Ummah Dalam Era Revolusi Maklumat*. Dalam Seminar Pemikiran Ibnu Khaldun 111, 17-18 September 2004, Kuching, Sarawak. Pp.1-16
- Syed Omar Syed Agil. (2008). *Philosophy Of Education In The Prolegomena Of Ibn Khaldun. UNITAR e-Journal. Vol.4. No.1*